

05 MAR 2001

DR MAHATHIR TEMUI ANGGOTA UMNO PENDANG DAN YAN

YAN, 5 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini menghadiri majlis perjumpaan tertutup bersama lebih 500 anggota jawatankuasa Umno bagi cawangan-cawangan dan bahagian Pendang dan bahagian Yan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Yan di sini.

Ketibaan Perdana Menteri bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada 9.30 pagi disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Perdana Menteri yang meluangkan masa hampir tiga jam di majlis berkenaan kemudiannya berlepas ke Bukit Kayu Hitam untuk merasmikan Kota Perdana-Asean Industrial Metropolis 2010.

-- BERNAMA

MAN MAI